# PROSES KERJA PENAHANAN HARTA ALIH

| BIL | TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB | BORANG/ PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG |
|---|---|---|---|
| 1 | Mengemukakan suatu permohonan bersumpah beserta fi sebanyak RM20.00 kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB). | Pemaju, anggota jawatankuasa pengurusan bersama, pengurusan, pengurusan subsidiari atau ejen pengurusan dilantik oleh COB | 4 salinan Borang 21<br>ss, 35(1), 79(1) dan 89(2) Akta 757<br>sp. 35(1) dan (2) PPPS(PP)2015 |
| 2 | Mengeluarkan suatu waran penahanan yang telah ditandatangani kepada orang atau badan yang membuat permohonan bersumpah dan menyatakan nama dan butiran orang yang akan melaksanakan waran penahanan tersebut. | COB | Borang A<br>ss. 35(1) dan 79(1) Akta 757<br>sp. 35(3) PPPS(PP)2015 |
| 3 | Melaksanakan waran penahanan di dalam bangunan atau tempat lain dalam Negeri itu yang apa-apa harta alih kepunyaan pemunya petak yang ingkar boleh dijumpai. | Anggota jawatankuasa pengurusan bersama, pengurusan, pengurusan subsidiari atau ejen pengurusan dilantik oleh COB dan dilaksanakan di hadapan COB atau pegawai COB | Borang A<br>ss. 35(1) dan(2) dan 79(1) dan (2) Akta 757 |
| 4 | Menyediakan suatu inventori harta alih yang ditahan dan menyampaikan suatu notis kepada orang yang pada masa penahanan itu, memiliki atau didapati memiliki harta itu.<br><br>Sekiranya tiada orang memiliki atau didapati memiliki harta alih itu, hendaklah meletakkan notis di suatu bahagian yang mudah dilihat ditempat di mana penahanan dilaksanakan. | Anggota jawatankuasa pengurusan bersama, pengurusan, pengurusan subsidiari atau ejen pengurusan dilantik oleh COB | Borang B<br>p. 35(4)(b) dan 79(4)(b) Akta 757<br>sp. 36(1) dan (2) PPPS(PP) 2015, |
| 5 | Pemilik boleh memohon kepada Mahkamah Majistet untuk perintah bagi pelepasan harta alih dalam masa 14 hari dari tarikh penahanan jika pertikaikan penahanan harta alih tersebut. | Pemilik harta | ss.35(7) dan 79(7) Akta 757 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6 | Mengeluarkan resit kepada penyewa, penyewa kecil atau penghuni yang membayar jumlah wang yang kena dibayar dan bayaran hendaklah disifatkan sebagai pelepasan penuh. | Anggota jawatankuasa pengurusan bersama, pengurusan, pengurusan subsidiari atau ejen pengurusan dilantik oleh COB | sp. 36(3) PPPS(PP)2015 |
| 7 | Sekiranya jumlah wang yang kena dibayar tidak diselesaikan dalam masa 14 hari dari tarikh penahanan harta alih, harta alih yang ditahan hendaklah dijual secara lelong. | Anggota jawatankuasa pengurusan bersama, pengurusan, pengurusan subsidiari atau ejen pengurusan dilantik oleh COB | ss. 35(8) dan 79(8) Akta 757 |
| 8 | Menjual harta alih jenis mudah musnah dengan segera dan hasil jualan dipegang sehingga mendapat keputusan mahkamah. | Anggota jawatankuasa pengurusan bersama, pengurusan, pengurusan subsidiari atau ejen pengurusan dilantik oleh COB | ss. 35(10) dan 79(10) Akta 757 |
| 9 | Menyimpan harta alih yang ditahan ditempat ditemui atau di tempat lain di negeri itu kecuali jika dirasakan perlu disimpan ditempat lain untuk selamat dijaga. | Anggota jawatankuasa pengurusan bersama, pengurusan, pengurusan subsidiari atau ejen pengurusan dilantik oleh COB. | sp. 36(3) PPPS(PP)2015 |

## BORANG YANG TERLIBAT

| BORANG NO. | PERKARA |
|---|---|
| 21 | PERMOHONAN BERSUMPAH UNTUK PENAHANAN HARTA ALIH |
| A | WARAN PENAHANAN |
| B | NOTIS DAN INVENTORI |